

SUMBANGAN MUZIUM NEGARA SEBAGAI SALAH SATU
PUSAT SUMBER SENI DI MALAYSIA

NOR AINI BT. ALANG AHMAD
NO. I.T.M. : 86114153

DIPLOMA SENIREKA TEKSTIL
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
1990

KANDUNGAN

<u>Bil.</u>	<u>Kandungan</u>	<u>Mukasurat</u>
1.	Dedikasi	
2.	Sekapur sireh seulas pinang	i-ii
3.	Penghargaan	iii-iv
4.	Methodologi	v-vi
5.	Skop Kajian	vii
6.	Pengenalan	viii-viv
7.	BAB 1 : Sejarah Perkembangan Penubuhan Muzium Negara	1-5
8.	BAB 2 : Muzium Negara sebagai salah satu pusat sumber seni. -definasi muzium -fungsi muzium negara i. Ia sebagai salah satu pusat sumber seni yang unik ii. Ia sebagai agensi yang bertanggungjawab di dalam penyelamatan dan pemulihan warisan seni, sejarah dan kebudayaan negara -cadangan dan kritikan terhadap Muzium Negara i. Cadangan terhadap Muzium Negara bagi mempertingkatkan lagi mutu pusat sumber seninya	6-8 9 10-27 28-31 32 33-34

PENGHARGAAN

Alhamdilillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan kasih sayang Nya dapat lah saya menyiapkan tesis ini walaupun terdapat beberapa kesukaran samada masalah bahan, ide dan lain-lain lagi tetapi berkat dengan kerjasama daripada dari berbagai pihak yang telah menyumbangkan beberapa pengetahuan serta pengalaman akhirnya tesis ini dapat disiapkan juga. Di sini saya ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya dan ucapan ribuan terimakasih yang tidak ter- kira kepada :-

En. Ahmad Badaruddin Fadzil	-	Penasihat dan Ketua Kursus Jabatan Seni Tekstil
En. Mohd. Kassim Hj. Ali	-	Kurator Unit Etnologi Muzium Negara
En. Saadon Ari	-	Kurator Unit Monumen Muzium Negara
Tuan Hj. Mohd. Nor Mohd. Idris-		Pegawai Kerja Kanan Hal Ehwal Am, Unit Pentadbiran Muzium Negara
Puan Maimunnah Said	-	Pegawai Unit Ilmu Kejadian Muzium Negara
Cik Zubaidah	-	Penolong Pegawai Unit Etnologi Muzium Negara
En. Remli Awang	-	Penolong Pegawai Perpustakaan Muzium Negara
Pegawai dan Penolong Perpustakaan-		Muzium Negara
		Dewan Bahasa dan Pustaka
		I.T.M

Juga tidak ketinggalan ribuan terimakasih kepada kaum keluarga, Saudara Kamarul Bahrin Ahmad dan teman-teman

METHODOLOGI

Penglibatan penulis dalam tajuk yang dipilih ini adalah timbul dari kesedaran dan perasaan ingin tahu serta minat yang mendalam tentang apa yang telah dilakukan oleh Muzium Negara dalam mengumpulkan matlumat-matlumat supaya dijadikan sebagai ilmu pengetahuan dan juga sebagai salah satu pusat sumber seni yang unik di Malaysia ini.

Kajian yang mendalam telah dilakukan terhadap tajuk ini meliputi Muzium Negara, Dewan bahasa dan Pustaka, Infokraf, Pasar Budaya, pameran-pameran, perpustakaan serta melalui temubual dengan orang perseorangan.

Ia adalah terdiri dari Ketua Kursus Jabatan Seni Tekstil sendiri, En. Ahmad Badaruddin Fadzil, En. Kassim Hj. Ali Kurator Unit Etnologi juga penolongnya Cik Zubaidah, Puan Maimunnah Said Pegawai Unit Ilmu kejadian, Tuan Hj. Mohd. Nor Mohd. Idris Pegawai Kerja Kanan Unit Hal Ehwal Am Pentadbiran dan beberapa orang lagi.

Manakala pameran-pameran yang dikunjuangi ialah pameran di ruang pameran di Infokraf, di P.W.T.C. pameran-pameran di Muzium Negara dan di Pasar Budaya, juga Karyaneka. Untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai peranan dan sebanyak mana telah dikumpulkan koleksi-koleksi juga barang-barang yang berkaitan dengan seni telah pun diambil kira dalam membuktikan ia adalah sebuah pusat sumber seni yang memberikan

BAB 1

SEJARAH PERKEMBANGAN PENUBUHAN MUZIUM NEGARA.

Muzium yang pertama telah dibina di Tanah Melayu pada tahun 1883 adalah di Taiping, Perak. Setelah tertubuhnya muzium di Taiping maka ada ura-ura hendak menubuhnya sebuah bangunan baru akan didirikan di Kuala Lumpur yang terletak di Jalan Damansara dan sesuai dengan kedudukannya sebagai pusat pentadbiran.

Sir Leonard Wray Junior telah diberi kuasa untuk mengendalikan perihal muzium sejak tahun 1902. Dalam lapuran B.A.V Peacock mengenai Leonard Wray iaitu :

"Wray who was the only priority on museum matters in the country was given funds to form a nucleus collection for a new museum." 1

Oleh kerana telah ada mereka yang bertanggungjawab dalam hal muzium, Muzium Selangor telah dibina pada tahun 1884 dan digunakan pada tahun 1904. Sir Leonard Wray telah dilantik sebagai pengarahnya yang pertama memandangkan beliaulah orang yang berpengalaman dalam hal-hal muzium. Pembinaan muzium ini sepenuhnya siap pada tahun tahun 1907.

Pada tahun berikutnya 1910 telah terserlah akan percantuman diantara muzium Perak dan Muzium Selangor. Kedua-dua muzium ini diletakkan dibawah seorang pengarah dan pengarah tersebut dikenali sebagai Pengarah

1 B.A.V Peacock, A Report on Museums in Malaya, Curator Museum